



TNB berusaha pulihkan bekalan elektrik

Sentiment	Positive	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	172,826	Circulation	86,413
PR Value	51,848	Page	6

Page Location



TNB berusaha pulihkan bekalan elektrik

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) secara berterusan melaksanakan usaha memulihkan bekalan elektrik di Johor, termasuk kawasan seperti Kangkar Tebrau yang terjejas akibat banjir.

Dalam satu kenyataan semalam, TNB menegaskan komitmennya memas-

tikan keselamatan, kestabilan dan kesejahteraan komuniti yang terjejas.

“TNB mengutamakan pemeriksaan menyeluruh, pembersihan dan ujian terhadap semua infrastruktur elektrik terjejas akibat banjir, bagi memastikan pemulihan bekalan elektrik dilakukan dengan

selamat. Pasukan teknikal kami bekerja tanpa henti di lapangan bagi mempercepatkan proses pemulihan.

“Penyelesaian alternatif, termasuk bekalan kuasa sementara disediakan di kawasan memerlukan, bagi menyokong perkhidmatan kritikal dan keperluan penting,” katanya.